



DUA kapal asing yang ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Sedili.

BERSAUH TANPA KEBENARAN

Dua kapal dari Hong Kong, Panama ditahan

Metro Ahad 1st 11/2023 Masihi: 17

Kota Tinggi: Dua kapal asing ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Sedili kerana bersauh secara haram di perairan Johor Timur di sini, kelmarin.

Pemangku Pengarah Zon Maritim Tanjung Sedili, Komander Maritim Mohd Nasib Sam berkata, bot ronda Maritim melakukan penahanan pertama terhadap kapal pengangkut dari Hong Kong sekitar jam 1 petang pada kedudukan 31 batu nautika timur laut Tanjung Gemoh pada jam 4.10 petang kerana melakukan kesalahan sama.

"Selepas pemeriksaan mereka didapati gagal mengemukakan dokumen kebenaran bersauh daripada Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia.

"Kapal pengangkut tanpa muatan itu dikendalikan 19 kru lelaki termasuk nakhoda warga Filipina dan China berusia 25 hingga 53 tahun

mempunyai dokumen pengenalan diri sah," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Katanya, penahanan kedua membabitkan kapal tangki dari Panama pada kedudukan 31 batu nautika timur laut Tanjung Gemoh pada jam 4.10 petang kerana melakukan kesalahan sama.

"Kapal tangki itu dikenalikan 25 kru lelaki termasuk nakhoda warga Ukraine, Pakistan, Iran, Georgia, India, Filipina dan Russia berusia 27 hingga 53 tahun dan mempunyai dokumen pengenalan diri sah.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 491B(1)(L) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 kerana bersauh tanpa kebenaran yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.